

BAHASA MELAYU TAHUN 4

Karangan

NAMA : _____ KELAS : _____ TARIKH : _____

ARAHAN : Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Aku Seekor Ikan Kaloj

Aku seekor ikan kaloj. Aku _____ di dalam sungai. Aku mempunyai ramai kawan. Ada baung, tapah, kelah dan haruan.



Badan aku _____. Sisik aku sangat tebal. Aku suka makan _____. Aku juga suka makan cacing.

Pada suatu hari, datang _____ budak ke _____. Mereka semua membawa sebatang kayu dan baldi. Pada batang kayu itu ada tali, di hujung tali pula ada _____ kegemaranku. Aku terliur melihat cacing itu. Pasti sedap.

Salah seorang daripada mereka _____ cacing itu hampir denganku. Apa lagi, aku pun _____ rezeki itu. Tiba-tiba mulutku terasa _____. Aku disentak ke atas darat.

Budak itu menanggalkan besi yang memeritkan itu. Aku kemudiannya _____ ke dalam baldi berisi air. Apabila pulang ke rumah, aku di masukkan ke dalam sebuah _____. Walaupun aku selamat, aku _____ kebebasanku di sungai.

meragut

bersisik

rindu

sekumpulan

sungai

pedih

cacing

lumut

dimasukkan

tinggal

akuarium

mencampakkan

CIKGU ROSLEEN

Suasana di hospital

Isi tempat kosong dengan kata yang sesuai.

setia

sugul

putih

sibuk

sabar

tenat

riang

dipadamkan

dibunyikan

dipenuhi

memerlukan

menandakan

Hospital bertukar menjadi 1_____ pada awal pagi. Jururawat mula menjalankan tugas masing-masing. Ada yang membantu doktor merawat dan melayan kerenah pesakit dengan 2_____.

Wad di hospital dipenuhi deretan katil bercadar 3_____. Ada pesakit yang hanya terbaring, manakala yang lain berehat sambil membaca majalah. Sesekali terdengar keluhan daripada pesakit-pesakit yang agak 4_____.

Ruang hospital 5_____ bau pelbagai jenis ubat. Para pelawat membawa makanan, jambangan bunga, dan buah tangan. Wajah sesetengah pelawat 6_____, tetapi ada juga yang berwajah 7_____.

Bunyi roda troli masuk ke dalam wad 8_____ waktu makan telah tiba. Selepas makan, jururawat akan memberikan ubat kepada pesakit.

Tepat pukul 7.00 petang, loceng 9_____ menandakan waktu melawat telah tamat. Selepas ini, sekali lagi jururawat dan doktor merawat pesakit yang 10_____ lebih perhatian.

Tepat jam 10.00 malam, lampu di wad 11_____. Namun, jururawat masih 12_____ menjalankan tugas menjaga pesakit.

CIKGU ROSLEEN